



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA

Aras 5, Menara Persekutuan,  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,  
75450 Melaka

Tel: 06-2895000  
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207  
Laman Web :<http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj.Kami : ANM (T)MEL/03/68 Jld.3(18)  
Tarikh : 27 November 2019  
Bersamaan : 30 Rabiulawal 1441H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Ketua Pusat Pembayar

Tuan,

**BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 akan dibayar pada 18 Disember 2019 tertakluk kepada syarat – syarat yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2019 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 6 Tahun 2019.
3. Sehubungan itu, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Pembayar Gaji hendaklah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:
- Memuat turun Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 dari komputer yang disediakan di Makmal Latihan Jabatan ini **mulai 27 November 2019 (Rabu)**. PTJ/Pusat Pembayar Gaji perlu membawa **pen drive** sendiri bagi tujuan ini;
  - Menyemak dan mengesahkan kelayakan setiap kakitangan yang tersenarai di dalam Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019;
  - Menyerahkan Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 yang telah disahkan selewat-lewatnya pada 29 November 2019 (Jumaat) sebelum jam 12.00 tengahari;
  - Mendapatkan semula jumlah bayaran yang tidak layak diterima oleh kakitangan dengan kaedah berikut:
    - Bagi pegawai yang masih berkhidmat, tindakan pemotongan secara sekaligus hendaklah diambil bagi bayaran gaji bulan berikutnya;
    - Bagi pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib sepanjang tahun 2019 **kutipan tunai** hendaklah dibuat daripada pegawai; dan
    - Bagi pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dan pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2019 sehingga 18 Disember 2019, kutipan tunai hendaklah dibuat daripada pegawai.

- e) Membuat pembayaran melalui Arahan Pembayaran kepada kakitangan yang layak tetapi tidak dibayar melalui Sistem Payroll.
4. Sekiranya pembayaran perlu dibuat melalui Arahan Pembayaran Sistem iGFMAS, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:-
- Arahan Pembayaran Sistem iGFMAS boleh disediakan menggunakan modul Invois Tanpa PT (Jenis Transaksi K2). TANPA PERLU mengemukakan permohonan kelulusan pembayaran emolumen melalui baucar berasingan;
  - Penyata Perubahan (Kew.8) perlu disertakan sebagai dokumen sokongan beserta dokumen-dokumen sokongan yang lain; dan
  - Arahan Pembayaran perlu disediakan menggunakan kod akaun seperti berikut:

Kod Elaun (Payroll)	Kod Akaun	Perihal Kod
1072	B0117102	Bantuan Khas Kewangan
1072	B0117202	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan
1548	B0229306	Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan

5. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi pegawai kami Puan Raudzah binti Bahrin / Puan Norfaizan Binti Mohd Noor di talian 06-289 5066 / 5064.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
***“Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi”***

Saya yang menjalankan amanah,

  
 (LOKMAN BIN LATIP C.A.(M))  
 Timbalan Pengarah  
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
 Negeri Melaka.

sk Fail Timbul